



## Pergerakan pelancong dan kesannya terhadap destinasi pelancongan wilayah

Wan Suzita Wan Ibrahim<sup>1</sup>, Habibah Ahmad<sup>2</sup>, Hamzah Jusoh<sup>2</sup>, Mohd Fuad Mat Jali<sup>2</sup>,  
Mushrifah Idris<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Program Sains Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia,

<sup>2</sup>Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Malaysia

<sup>3</sup>Pusat Penyelidikan Tasik Chini, Fakulti Sains Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

Correspondence: Wan Suzita Wan Ibrahim (wan48637@yahoo.com)

### Abstrak

Dalam konteks pelancongan wilayah, pelbagai strategi dan program pelancongan telah dilaksanakan untuk mengimbangi kemasukan pelancong. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan berlakunya penumpuan pelancong ke satu-satu negeri dalam wilayah pembangunan tersebut. Kenapa ia berlaku tentunya berkaitrapat dengan pergerakan pelancong dan kesannya. Makalah ini bertujuan untuk mengkaji pergerakan pelancong dan kesannya terhadap pembangunan pelancongan wilayah, dengan tumpuan kepada pelancongan wilayah iaitu Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Kajian ini bersifat kuantitatif, berdasarkan survei yang telah dijalankan pada September 2014-Febuari 2015 di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kaji selidik ini melibatkan 823 responden domestik dan 296 antarabangsa. Hasil kajian mendapati walaupun pemilihan negeri antara pelancong domestik dan antarabangsa adalah sama, penentu pergerakan dan kesannya adalah berbeza. Pelancong domestik mengharapkan wilayah pelancongan yang menarik sebelum mereka berkunjung, baik dan selesa semasa mereka berada di destinasi Sementara itu, pelancong antarabangsa berharap wilayah pelancongan yang sangat menarik sebelum mereka berkunjung, namun memberikan pandangan selesa serta selamat pada semasa mereka berada di destinasi. Dari sudut tujuan bercuti, bersama rakan-rakan adalah menjadi keutamaan, dan berpandangan kesannya kepada destinasi adalah tinggi. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan dimensi keutamaan antara pelancong domestik dan antarabangsa dalam menentukan pergerakan mereka dan kesannya terhadap destinasi pelancongan wilayah, khususnya di ECER. Kesimpulannya dimensi pergerakan dalam pelancongan wilayah perlu menjadi asas pertimbangan dalam membentuk acara dan ikon penggalakan kepada pelancong.

**Kata kunci:** destinasi, pelancongan wilayah, pergerakan pelancong, Wilayah Ekonomi Pembangunan Ekonomi Timur

### Tourists' movement and impacts on regional tourism destination

### Abstracts

In the context of regional tourism, various tourism strategies and programs have been implemented to enhance the influx of tourists. However, there is a tendency of tourists' concentration or spatial tourists' imbalance between destinations and among states within the contact of regional tourism development. The underlying reason is linked to the tourists' movements. This paper aims to study the movement of tourists' movements and their impact on regional tourism development, with a focus on regional tourism in the East Coast Economic Region (ECER). The study is quantitative, based on a survey conducted in September 2014-February 2015 in the states of Kelantan, Terengganu and Pahang. The survey involved 823 domestic and 296 international tourists. The study found that although the choice of state's destination between domestic and international tourists are similar, there are differences of motivational, and impacts on regional tourism. Domestic tourists' preferences are attractive tourist region before they traveled, and rated 'good and comfortable' during their stay in that destination. On the hand the international tourists' preferences are 'a very attractive tourist destination' before their visit, but they had given a 'comfortable and secured site' while they were at the destination. In terms of choice, holidaying with friends was their priority, and they viewed this factor is impacting destinations

significantly. The results of this study show that dimensions of priorities between the domestic and international tourists are diverse, and these determined their movements and impacts on regional tourism destination, particularly in the ECER. In conclusion dimensional movement is the fundamental consideration in shaping events and icon in tourism promotion.

**Keywords:** Destination, tourist movement, regional tourism, East Coast Economic Region (ECER).

## Pengenalan

Pelancongan adalah salah satu industri yang penting dalam perkembangan ekonomi negara dan hampir setiap tahun menunjukkan peningkatan pertambahan pelancong. Peningkatan ini adalah kesan dari pelbagai faktor yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti kempen Tahun Melawat Malaysia, galakan insentif pelaburan serta pembangunan infrastruktur yang membantu meningkatkan pembangunan industri pelancongan negara.

Di peringkat Asean, negara Malaysia mendaului pembangunan dalam industri pelancongan berbanding negara Asia yang lain. Berdasarkan trend aliran pelancong antarabangsa utama yang berkunjung ke Malaysia berasal dari pelancong Asia, Pasifik, Amerika, Eropah, Afrika dan Timur Tengah. Walaubagaimana pun, pelancong Asia dan Pasifik menguasai sebahagian besar ketibaan pelancong antarabangsa ke Malaysia iaitu dengan penguasaan lebih 80 peratus daripada jumlah ketibaan pelancong ke negara ini contohnya pelancong Asia dalam tahun 2008 seramai 17,950,608 ribu orang meningkat kepada 20,381,418 ribu orang dalam tahun 2010 dan 23,361,016 ribu orang pelancong dalam tahun 2015 (Data Statistik, kementerian Pelancongan Malaysia 2016).

Pembentukan Wilayah Ekonomi Baru di Malaysia seperti Wilayah Ekonomi Pantai Timur, 2008-2020 (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara, 2007-2025 (NCER) dan Iskandar Malaysia, 2008-2025 memperlihatkan usaha kerajaan dalam memajukan industri pelancongan di mana salah satu strategi menerusi Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia, 2020 adalah memberi penekanan kepada pelancongan di peringkat negara, negeri dan wilayah. Menilai dari segi keberkesanannya, strategi yang diutarkan telah mendapat sokongan dari semua negeri di Malaysia dengan melaksanakan beberapa program dan perancangan wilayah antaranya ialah di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Justeru itu, makalah ini bertujuan untuk melihat pergerakan pelancong dari aspek pandangan pelancong, bentuk pergerakan, perkhidmatan pelancong dan kesanya terhadap destinasi, aktiviti dan program pelancongan. Ini adalah untuk memastikan destinasi pelancongan wilayah ECER mampu mencapai matlamat keseimbangan pembangunan sosial dan koridor ekonomi.

## Pergerakan pelancong ke destinasi pelancongan wilayah

Sektor pelancongan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan sesebuah negara dan sektor yang terbesar dalam pasaran dunia (Goeldner, 2006). Menurut Gamson (1988) dan Hannon (1990) adalah penting sesebuah destinasi pelancongan menjalankan pembangunan seperti penyediaan sistem perhubungan dan pengangkutan agar para pergerakan pelancong tidak terbatas.

Dalam konteks pelancongan wilayah di peringkat antarabangsa, kerjasama di antara pelbagai pihak dan pembangunan pelancongan wilayah adalah penting dalam memastikan pergerakan dan pemilihan destinasi pelancongan seperti penyediaan kemudahan, penawaran produk, menyediakan aktiviti dan program kepada pelancong kerana elemen-elemen tersebut mendorong berlakunya pergerakan pelancong dalam membuat pemilihan destinasi pelancongan contohnya pergerakan pelancong domestik dan antarabangsa ke wilayah Hong

Kong adalah bergantung pada sistem pengurusan destinasi, penawaran produk, promosi serta lokasi tarikan dan kesannya berlaku peningkatan pendapatan negara hasil industri pelancongan sebanyak 25% dalam tahun 2004 (Lew & Mckercher, 2005). Manakala di wilayah Macau, China, pembangunan pelancongan seperti aktiviti pelancong dan penyediaan kemudahan penginapan menjadi pilihan utama pelancong untuk melancong di kawasan tersebut (Mckercher & Law, 2008). Manakala kajian oleh Kousis (1999) menyifatkan hubungan destinasi pelancongan selaku tuan rumah dan aktiviti persekitaran memainkan peranan yang penting dalam menarik kemasukan pelancong agar terus dilawati dari semasa ke semasa. Justeru itu, usaha ini telah dijalankan di beberapa wilayah eropah barat sekitar 1990an antaranya Wilayah Zakynthos, Grecce, Wilayah Kepulauan Balearic, Spanyol dan Athens, Portugal.

Pendapat Arbuthonott, Eriksson & Wincent (2010) menyatakan proses pengekalan pelancongan epik traditional yang dipersembahkan melalui tarian, penceritaan, nyanyian dan budaya adalah satu pendekatan baru dalam meningkatkan mutu pelancongan wilayah dan mengawal pergerakan kemasukan pelancong contohnya kisah epik seperti Emilia-Romagna di Wilayah Wurttemberg di Eropah, Wilayah Pennsylavania di UK, Wilayah Gothenburg di Scandinavia dan Wilayah Otaga-Southland di New Zealand. Kemunculan kisah epik dan sejarah ini mampu memberi daya tarikan kepada para pelancong kerana mempunyai sejarah epik yang tersendiri.

Kenyataan ini mendapat sokongan dari Mc Gehee (2014) kerana berdasarkan teori pergerakan terhadap kajian pembangunan komuniti pelancongan di wilayah Carolina, United State 2014 mendapat perhubungan sosial antara masyarakat dan kerajaan adalah faktor utama berlakunya pergerakan antara kawasan asal dengan kawasan yang akan dikunjungi oleh pelancong. Tindakan mereka juga dipergaruhi oleh faktor tarikan ekonomi, politik dan sumber manusia. Selain itu, pandangan Godwin & Asper (2009) menjelaskan pergerakan individu ke destinasi pelancongan adalah dipengaruhi oleh tahap pengetahuan tentang kawasan yang ingin dikunjungi yang diperolehi dari bentuk promosi, jurnal dan website contohnya Montego Bay di Jamaica, Blue Mountain di Australia dan Disneyworld di Florida sering menjadi tumpuan destinasi pelancong antarabangsa.

Di Malaysia, kesedaran terhadap keperluan terhadap pemilihan ke destinasi pelancongan mula mendapat perhatian semenjak negara kita mula mencapai kemajuan dalam pembangunan pelancongan negara setelah Pelancaran Tahun Melawat Malaysia pertama diadakan pada tahun 1990. Justeru itu, pelbagai pelaksanaan oleh pihak berkepentingan telah dijalankan di negara ini termasuk di wilayah Ekonomi baru untuk mewujudkan keselesaan kepada pelancong disepanjang perjalanan ke destinasi pelancongan contohnya kemudahan penginapan, perkhidmatan pelancongan, infrastruktur, lokasi tarikan dan kemudahsampaian. Kefahaman terhadap pergerakan pelancong biasanya akan memberi kepada kelebihan kepada pihak bertanggungjawab dalam usaha menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang sesuai dengan keperluan dan kehendak pelancong (Norizawati et al., 2014).

Berdasarkan kajian beberapa para sarjana Malaysia dalam konteks pelancongan wilayah, tumpuan pembangunan pelancongan wilayah telah diberi perhatian sejak awal 1980an oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan pergerakan pelancong domestik dan antarabangsa. Berdasarkan kajian lepas, pergerakan dan pemilihan destinasi pelancongan wilayah dikaitkan dengan faktor kemudahsampaian dan promosi yang dijalankan oleh pihak berkepentingan contohnya berlaku peningkatan kemasukan pelancong ke wilayah ECER di mana negeri Pahang adalah negeri yang paling tertinggi menerima kedatangan pelancong antarabangsa dalam tahun 2011 (Johan Afandi, 2012). Manakala Mohd Suhaimi Ahmad et al. (2003) dan Rosniza Azni (2012) menyatakan secara umumnya terdapat beberapa faktor yang menentukan pergerakan pelancong antarabangsa ke wilayah sekitar tahun 2000 di antaranya adalah pengetahuan tentang lokasi pelancongan, kemudahan

penginapan, penawaran lokasi tarikan, kepelbagaian produk pelancongan, kemudahsampaian, prasarana dan pengalaman kunjungan semula merupakan elemen tarikan utama pelancong untuk melancong ke sesebuah destinasi pelancongan.

Manakala Redzuan et al. (2002) turut memberi pandangan corak pelancong antarabangsa yang melancong ke sesebuah wilayah di Malaysia umumnya dipengaruhi oleh pelbagai jarak perjalanan, aktiviti, jangka masa melancong, tujuan melancong, peringkat umur, penginapan dan kos perbelanjaan mendorong mereka ke destinasi wilayah walaupun ada bentuk kunjungan dikalangan mereka yang berbeza. Dengan kata lain, corak kunjungan ini memberi kesan kepada perkembangan ekonomi negara. Di samping itu, hubungan sosial di antara pihak berkepentingan dengan pelancong dalam menyediakan penawaran produk pelancongan merupakan faktor yang menarik untuk menggalakkan pergerakan pelancong antarabangsa ke wilayah-wilayah yang memiliki destinasi pelancongan yang menarik contohnya Tasik Chini di wilayah ECER menyediakan penawaran produk seperti Tasik Chini, Sungai Chini, perkampungan Orang Asli, Gunung Chini dan Pusat Tenun Pahang Felda Chini (Habibah et al., 2013).

Justeru itu, pergerakan pelancong ke sesebuah destinasi pelancongan amat dipengaruhi oleh kemudahan perkhidmatan, destinasi tarikan, maklumat pelancongan, bajet, motivasi, bentuk kunjungan dan tahap pengetahuan individu. Pegetahuan dan pemahaman pergerakan mereka akan membantu proses perancangan dan pembangunan pelancongan wilayah yang akan mempengaruhi pemilihan ke destinasi pelancongan. Pembangunan pelancongan wilayah yang baik adalah memberikan kebaikan kepada semua manusia dan alam sekitar sekali gus dapat mencapai matlamat utama dasar pelancongan negara dan meningkatkan nilai pelancongan wilayah pada masa akan datang.

## **Metodologi**


Kajian ini telah dijalankan di wilayah ECER yang telah dikenal pasti sebagai pusat pelancongan iaitu Kota Bharu di Kelantan, Kuala Terengganu di Terengganu dan Kuantan di Pahang. Dari segi data dan analisis, kajian ini menggunakan data primer dan sekunder. Data primer diperolehi dari kerja lapangan yang telah dijalankan pada September 2014-Februari 2015. Manakala data sekunder di analisis daripada dokumen kerajaan seperti Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Rancangan Struktur Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Instrumen utama kajian ini ialah menggunakan borang soal selidik. Seramai 823 dari keseluruhan responden domestik dan 296 antarabangsa telah berjaya dikumpulkan. Analisis dan perbincangan menggunakan analisis data statistik deskriptif melalui ujian frekuensi yang dipaparkan dalam bentuk jumlah dan peratus.

### *Kawasan kajian*

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) terletak di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan berhampiran dengan negara beberapa buah negara seperti Thailand, Indonesia dan Filipina. Wilayah Ekonomi Pantai Timur (2008-2020) telah dibentuk melalui Rancangan Malaysia kesembilan (RMKe-9) dan di bawah undang-undang Malaysia telah diwartakan pada 25 Februari 2008 dengan wawasan “Menjadi Wilayah Maju Menjelang 2020”. Kawasan ECER merangkumi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Mersing di Johor. Ia meliputi 67,742 km<sup>2</sup> daripada keluasan Semenanjung Malaysia. Manakala pemakaian akta yang digunakan oleh pihak Pengurusan Perbadanan Wilayah Pantai Timur adalah Akta Pembangunan Wilayah Pantai Timur, 2008.

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) menawarkan pelbagai tarikan produk pelancongan yang tersendiri antaranya adalah pelancongan persisiran pantai dan pulau,

pelancongan keindahan alam semula jadi, pelancongan bandar, pelancongan kebudayaan dan warisan, pelancongan ekopelancongan, acara persada dan program homestay. Manakala tema pelancongan yang lain turut dikenal pasti seperti agro pelancongan, pelancongan SPA, pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan dan pelancongan sukan.



Rajah 1.1 : Peta Kawasan Kajian  
Sumber : Diubahsuai dari Rancangan Fizikal Negara 1, 2008

## Hasil kajian

Analisa keseluruhan mendapati tumpuan pelancong domestik dan antarabangsa ialah melancong ke Negeri Terengganu. Manakala tujuan bercuti bersama keluarga serta pengetahuan lokasi pelancongan adalah penentu utama pergerakan bagi pelancong domestik berbanding bercuti bersama rakan-rakan di kalangan pelancong antarabangsa. Namun terdapat faktor lain yang mendorong kepada pergerakan pelancong domestik dan antarabangsa ke wilayah ECER seperti perkhidmatan pelancong dan sumber kunjungan. Manakala kesan pelancongan ialah tumpuan negeri untuk bercuti, destinasi tarikan, aktiviti dan program pelancongan.

## Pergerakan destinasi pelancong

Pergerakan pelancong ke Wilayah ECER adalah melibatkan profil pelancong domestik dan antarabangsa, pergerakan sebelum, semasa, selepas, sumber maklumat kunjungan, bentuk kunjungan dan kemudahan perkhidmatan.

## Profil pergerakan pelancong

Berdasarkan kajian tersebut, seramai 823 responden pelancong domestik dan 296 antarabangsa telah berjaya dikumpulkan. Secara umumnya, pelancong domestik dan

antarabangsa adalah terdiri dari golongan profesional, pegawai kerajaan dan pihak komuniti. Hasil kajian mendapati responden pelancong domestik lelaki lebih ramai berbanding perempuan di mana responden lelaki berjumlah 428 orang(52%) dan 395 orang (48%) pelancong perempuan. Manakala pelancong antarabangsa, responden perempuan lebih ramai berbanding lelaki iaitu 161(45.6%). Manakala keseluruhannya status responden pelancong domestik dan antarabangsa terdiri daripada golongan yang sudah berkahwin. Angka menunjukan seramai 424 orang(51.5%) dan 399 orang(48.5%) responden yang berstatus bujang dikalangan pelancong domestik. Manakala pasangan berkahwin bagi pelancong antarabangsa seramai 154 orang (52%).

Dari segi profesion responden pelancong domestik dan antarabangsa, hasil kajian mendapati pekerjaan profesional dan kerja sendiri adalah yang tertinggi dalam kajian ini iaitu seramai 275 orang (33.4%) dan 271 orang (32.9%) berbanding staf sokongan dan surirumah. Manakala responden pelancong antarabangsa pula, pekerjaan secara profesional turut mencatat tertinggi iaitu 192 orang (64.9%) berbanding pelajar, 26 orang, staf sokongan, 48 orang (16.2%), bekerja sendiri dan surirumah, 15 orang (51%). Rata-rata responden dalam kalangan pelancong domestik dan antarabangsa adalah berpendidikan menengah hingga universiti dengan berpendapatan RM2000-3000. Sementara itu pendapatan pelancong antarabangsa kebanyakannya melebihi RM5000 (Jadual 1).

**Jadual 1. Profil pergerakan pelancong domestik dan antarabangsa**

Profil pelancong	Pelancong Domestik		Pelancong Antarabangsa	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
<b>Jantina</b>				
Lelaki	428	52.0	135	45.6
Perempuan	395	48.0	161	54.4
<b>Status</b>				
Bujang	399	48.5	132	44.6
Berkahwin	424	51.5.	154	52.0
Lain-lain	-	-	10	3.4
<b>Umur</b>				
16-20	106	12.9	1	0.3
21-25	264	32.1	41	13.9
26-30	244	29.6	96	32.4
31-35	154	18.7	82	27.7
36-40	2	0.2	62	20.9
41-45 ke atas	53	6.4	14	4.7
<b>Pendidikan</b>				
Tidak bersekolah	16	1.9	-	-
Sekolah rendah	18	2.2	1	0.3
Sekolah Menengah	92	11.2	4	1.4
STPM/Diploma	219	26.6	41	13.9
Ijazah	478	58.1	230	77.7
Ma/PHD	-	-	20	6.8
<b>Pekerjaan</b>				
Pelajar	92	11.2	26	8.8
Kerja sendiri	271	32.9	15	5.1
Suri rumah	78	9.5	15	5.1
Profesional	275	33.4	192	64.9
Staf sokongan	107	13.0	48	16.2

Pendapatan (RM)					
>1000	14	1.8	-	-	
1000-2000	157	19.	4	1.3	
2001- 3000	214	26	3	1.0	
3001- 4000	87	10.6	-	-	
4001-5000	21	2.5	1	0.1	
5,0001	-	-	286	96.6	
Tiada	330	40.1	-	-	

Bilangan = 823 Pelancong Domestik (100%) dan Bilangan = 296 Pelancong Antarabangsa (100%)

## Pergerakan Sebelum Melancong

Dapatan kajian menunjukkan persepsi pelancong domestik dan antarabangsa sebelum mereka memulakan perjalanan untuk bercuti ke wilayah ECER. Hasil kajian mendapati, persepsi sebelum pelancong domestik ke wilayah ECER, kepelbagaian produk pelancongan mencatat pandangan tertinggi iaitu 391 orang (47.5%). Manakala pandangan menarik adalah sebanyak 182 orang (22.1%), sangat menarik dengan 27 orang (3.3%) dan bercuti serta selamat, 18 orang (2.2%). Ini kerana mengikut pendapat, Lembaga Penggalak Malaysia dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menyatakan wilayah ECER mempunyai pelbagai produk pelancongan yang menarik seperti kepulauan, pantai, tasik, bandar dan warisan, ekopelancongan, acara persada, taman rekreasi dan agropelancongan. Walau bagaimana pun terdapat pelancong domestik yang tidak memberi sebarang pandangan iaitu 127 orang (15.4%).

Sementara itu pelancong antarabangsa memberikan tanggapan mereka terhadap kawasan yang bakal dilawati adalah menarik adalah tinggi berbanding pandangan yang lain iaitu, 85 orang atau (28.7%). Diikuti kepelbagaian produk pelancongan, 56 orang(18.9%), bercuti dan selamat, 9 orang atau (3%), sikap masyarakat dan budaya, 7 orang (2.4 %) dan wilayah yang menarik 5 orang (1.7%). Namun begitu, terdapat beberapa pelancong yang tidak memberi komen adalah tertinggi iaitu 129 orang (43.5%). Hal ini berlaku, kerana mereka tidak pernah melancong ke kawasan ECER dan tidak mengetahui dengan lebih terperinci kawasan yang dikunjungi (Jadual 2).

**Jadual 2. Persepsi pelancong sebelum melancong**

Pelancongan Wilayah (Sebelum)	Pelancong Domestik		Pelancong Antarabangsa	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Wilayah yang Menarik	182	22.1	5	1.7
Sangat Menarik	27	3.3	85	28.7
Kepelbagaian produk pelancongan	391	47.5	56	18.9
Pengalaman pelancong	10	1.2	-	-
Baik	26	3.2	-	-
Infrastruktur dan perkhidmatan	-	-	5	1.7
Sikap Masyarakat dan budaya	-	-	7	2.4
Tidak Pasti	42	5.1	-	-
Bercuti dan selamat	18	2.2	9	3.0
Tiada Komen	127	15.4	129	43.5
<b>Jumlah</b>	<b>823</b>	<b>100</b>	<b>296</b>	<b>100</b>

Bilangan = 823 Pelancong Domestik (100%) dan Bilangan = 296 Pelancong Antarabangsa (100%)

### *Sumber maklumat kunjungan*

Hasil kajian menunjukkan kecenderungan pemilihan ke sesebuah destinasi itu tinggi secara langsung berkait rapat dengan sumber pengetahuan dan maklumat mengenai negeri yang dikunjungi di Wilayah pelancongan ECER. Sumber pengaruh daripada rakan-rakan serta saudara mara merupakan faktor utama untuk mereka melancong iaitu 309 orang bagi pelancong domestik dan 119 orang dari pelancong antarabangsa. Manakala laman sesawang merupakan sumber rujukan sebelum membuat keputusan dan menarik mereka ke destinasi (Jadual 3).

**Jadual 3. Sumber maklumat kunjungan pelancong**

Sumber Maklumat ECER	Pelancong Domestik		Pelancong Antarabangsa	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
<b>Sumber Maklumat ECER</b>				
Surat Khabar	Ya	8	1.0	-
Laman Web	Ya	308	37.4	87
Risalah / banting	Ya	12	1.5	35
Pameran di lokasi berdekatan	Ya	39	4.7	20
Iklan di televisyen atau radio	Ya	84	10.2	10
Rakan-rakan dan saudara	Ya	309	37.5	119
Agensi pelancong	Ya	55	6.7	19
Pusat sumber pelancongan	Ya	8	1.0	6

Bilangan = 823 Pelancong Domestik (100%) dan Bilangan = 296 Pelancong Antarabangsa (100%)

### **Pergerakan Semasa Melancong**

Hasil kajian menunjukkan, persepsi semasa bercuti dalam kalangan pelancong domestik dan antarabangsa di wilayah ECER. Pelancong domestik mendapati bercuti dalam keadaan baik dan selamat adalah persepsi tentang destinasi yang tertinggi dengan 229 orang (35.5%). Kemudian diikuti pelancongan yang menarik dan selamat, 227 orang (27.6%), kepelbagaian produk pelancongan, 106 orang (12.9%). Pandangan terendah adalah pengalaman pelancong itu sendiri, 5 orang (0.6%). Walau bagaimanapun, pelancong yang tidak memberi sebarang komen agak tinggi dengan 130 orang (15.8%) (Jadual 4).

**Jadual 4. Persepsi semasa melancong**

Pelancongan Wilayah (Semasa)	Pelancong Domestik		Pelancong Antarabangsa	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Baik dan selesa	292	35.5	31	10.5
Menarik dan selamat	227	27.6	125	42.2
Pelbagai Produk Pelancongan	106	12.9	7	2.3
Sikap Masyarakat Tempatan dan budaya	33	4.0	33	11.1
Kemudahsampaian	8	1.0	-	-
Menyeronokan	6	0.7	3	1.0
Bercuti	-	-	32	10.8
Pengalaman pelancong	5	0.6	3	1.0
Kepelbagaian makanan	-	-	14	4.7
Kepelbagaian aktiviti pelancong	16	1.9	3	1.0
Tiada komen	130	15.8	46	15.4
<b>Jumlah</b>	<b>283</b>	<b>100.0</b>	<b>296</b>	<b>100</b>

Bilangan = 823 Pelancong Domestik (100%) dan Bilangan = 296 Pelancong Antarabangsa (100%)

Pelancong antarabangsa mendapati, percutian yang menarik dan selamat paling digemari iaitu 125 orang (42.2%) berbanding bercuti bertemakan baik dan selesa, 31 orang (10.5%), kepelbagaiannya makanan, 14 orang. Namun begitu, terdapat 46 orang pelancong antarabangsa yang tidak memberi komen. Ini kerana, terdapat sesetengah pelancong yang pertama kali tiba di wilayah ECER.

### *Bentuk kunjungan pelancong*

Analisis menunjukkan bentuk kunjungan pelancong domestik dan antarabangsa ke destinasi pelancongan di wilayah ECER. Dalam kalangan pelancong domestik dan antarabangsa tujuan ke wilayah ECER menunjukkan kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa untuk bercuti agak tinggi iaitu 341 orang (41.4%) dan 228 orang (77%) berbanding urusan kerja, seminar dan melawat sanak saudara kerana bercuti adalah sebahagian agenda rancangan mereka dan bagi pelancong antarabangsa pula sebahagian daripada paket pelancongan yang ditawarkan (Jadual 5)..

**Jadual 5. Bentuk Kunjungan Pelancong**

Bentuk Kunjungan Pelancong	Pelancong Domestik		Pelancong Antarabangsa	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
<b>Tujuan ke ECER</b>				
Bercuti	341	41.4	228	77.0
Melawat Sanak Saudara	162	19.7	7	2.3
Perubatan	10	1.2	1	0.3
Urusan Kerja dan Seminar	183	22.2	2	0.6
Ingin Mencari Pengalaman baru	66	8.0	58	19.9
Tertarik Untuk Mengenali Wilayah ECER	61	7.4	-	-
<b>Pengetahuan tentang Negeri ECER</b>				
Ya	823	100	76	25.7
Tidak	-	-	214	72.3
<b>Kekerapan Kunjungan</b>				
Tidak Pernah	-	-	88	29.7
Jarang	13	1.6	113	38.2
Kadang-kadang	434	52.7	84	28.4
Kerap	334	40.6	9	3.0
Sangat Kerap	40	4.9	2	0.7
<b>Penentu pergerakan</b>				
Seorang diri	14	1.7	54	18.2
Keluarga	538	65.3	68	22.9
Kelab organisasi dan sekolah	56	6.8	33	11.1
Rakan-rakan	211	25.6	141	47.6
Agensi Pelancongan	4	0.5	-	-

Bilangan = 823 Pelancong Domestik (100%) dan Bilangan = 296 Pelancong Antarabangsa (100%)

Manakala kekerapan kunjungan, secara kadang-kadang, agak tinggi berbanding dengan masing-masing 434 orang (52.7%) 334 orang (40.6%).sebaliknya pelancong antarabangsa pula,kedatangan melancang secara jarang-jarang agak tinggi iaitu 133 orang (38.2%) dan tidak pernah melancang, 88 orang (29.7%). Sementara itu, keseluruhan pelancong domestik mengetahui tentang wilayah ECER di mana bercuti bersama keluarga paling tinggi iaitu 538 orang (65.3%) berbeza pelancong antarabangsa hanya 76 orang yang tahu mengenai ECER dan memilih untuk bercuti bersama rakan-rakan adalah paling tinggi iaitu 141 orang (47.6%) dalam menentukan pergerakan melancang berbanding seorang diri, keluarga, kelab organisasi dan agensi pelancongan.

#### *Penyediaan kemudahan perkhidmatan*

Jadual 6 menunjukkan, pemilihan penginapan, tempoh dan mod pengangkutan yang digunakan oleh pelancong untuk ke destinasi pelancongan. Pemilihan penginapan menunjukkan pelancong domestik lebih selesa untuk tinggal di hotel iaitu 401 orang kemudian diikuti dengan homestay 334 orang dan rumah saudara 88 orang berbanding pelancong antarabangsa, kecenderungan menunjukkan memilih untuk tinggal di homestay iaitu 187 orang berbanding di hotel 100 orang.

**Jadual 6. Kemudahan perkhidmatan semasa melancong**

Kemudahan Perkhidmatan	Pelancong Domestik		Pelancong Antarabangsa	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
<b>Bentuk Penginapan</b>				
Hotel	401	48.7	100	33.8
Homestay	334	40.6	187	63.1
Rumah Saudara	88	10.7	2	0.7
Lain-lain	-	-	-	-
<b>Tempoh Penginapan</b>				
3 hari 2 malam	464	56.4	74	25.0
4 hari 3 malam	127	15.4	59	19.9
2 hari 1 malam	122	14.8	20	6.8
5 hari 4 malam	21	2.6	46	15.5
1 hari 1 malam	33	4.0	-	-
<b>Mod pengangkutan</b>				
Awam				
Bas	135	16.4	180	60.8
Teksi	45	5.4	81	27.3
Kapal Terbang	25	3.0	30	10.1
kereta sendiri	573	69.6	-	-
Motosikal	45	9.4	5	1.6
<b>Kos perbelanjaan</b>				
RM kurang 500	64	7.7	13	14.5
RM 500-1000	200	24.3	58	33.1
RM 1001-2000	450	54.6	87	29.3
RM 2001-3000	109	13.2	98	19.5
RM 3001-4000	-	-	23	-
RM 4001- 5000	-	-	-	-
Melebihi 5000	-	-	-	-

Bilangan = 823 Pelancong Domestik (100%) dan Bilangan = 296 Pelancong Antarabangsa (100%)

Sementara itu, tempoh kunjungan mengambil masa lebih dari 24 jam iaitu tempoh 3 hari 2 malam adalah paling tinggi dengan 464 orang bagi pelancong domestik dan 74 orang pelancong antarabangsa. Kebanyakan pelancong domestik dan antarabangsa mengunjungi wilayah ECER kerana untuk percutian, beristirahat dan mengikuti aktiviti pelancongan seperti Papan luncur air dan Piala Monsun. Namun begitu, terdapat pelancong domestik yang tinggal dalam tempoh yang singkat iaitu 1 malam sahaja kerana kunjungan sementara di atas urusan kerja, persidangan dan melawat rakan.

Dalam penggunaan sistem pengangkutan, pelancong domestik lebih mengemari menggunakan kereta sendiri dengan 573 orang berbanding penggunaan pengangkutan awam. Namun berbeza bagi pelancong antarabangsa, kebanyakan mereka selesa menggunakan pengangkutan awam iaitu 180 menggunakan bas dan 81 orang menggunakan perkhidmatan teksi.

Kos perjalanan pelancong semasa di wilayah ECER, RM 1001-2000 adalah kos yang tertinggi bagi pelancong domestik iaitu sebanyak 450 orang pelancong. Manakala kos perbelanjaan RM kurang 500 adalah yang terendah iaitu 64 orang pelancong. Mankala kos perbelanjaan yang tertinggi bagi pelancongan antarabangsa adalah RM 2000-3000 dengan 98 orang pelancong antarabangsa dan kos perbelanjaan terendah adalah RM 500 yang melibatkan hanya 13 orang pelancong sahaja.

## Pergerakan selepas melancong

Hasil kajian menunjukkan persepsi pelancong domestik dan antarabangsa terhadap kawasan pelancongan selepas mereka melancong di kawasan ECER. Analisa bagi pelancong domestik, sesuai untuk bercuti dan selamat adalah tertinggi dengan, 300 orang (36.5%). Kemudian diikuti suasana yang menarik dan selesa adalah kedua tertinggi, 239 orang (29%), kepelbagaian produk pelancongan, 95 orang (11.5%), menyeronokan, 34 orang (4.1%). Manakala 136 orang (16.5%) tidak memberi jawapan.

Berbeza pelancong antarabangsa mendapati, pandangan menarik dan selesa mendapat sokongan tertinggi, 77 orang (26%) diikuti sesuai untuk bercuti dan selamat, 63 orang (21.3%), kepelbagaian produk pelancongan, 23 orang (7.7%). Manakala yang tidak memberi sebarang pandangan atau komen adalah 41 orang (13.9%). Ini bermakna selepas mereka melancong mereka mempunyai persepsi positif dan berkemungkinan untuk bercuti kembali ke wilayah ECER adalah tinggi.

Jadual 8. Persepsi pelancong selepas melancong

Persepsi Selepas Melancong (selepas)	Pelancong Domestik		Pelancong Antarabangsa	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Menarik dan selesa	239	29.0	77	26.0
Menyeronokan	34	4.1	-	-
Bercuti dan selamat	300	36.5	63	21.3
Kepelbagaian produk pelancongan	95	11.5	23	7.7
Pengalaman Pelancongan	7	0.9	4	1.4
Aktiviti Pelancong	1	0.1	-	-
Perkhidmatan dan kemudahan	6	0.7	1	0.3
Kepelbagaian makanan	-	-	3	1.0
Sikap Masyarakat dan budaya	5	0.6	20	6.8
Tiada komen	136	16.5	41	13.9
Kembali melancong	-	-	64	21.6
<b>Jumlah</b>	<b>283</b>	<b>100</b>	<b>296</b>	<b>100</b>

Bilangan = 823 Pelancong Domestik (100%) dan Bilangan = 296 Pelancong Antarabangsa (100%)

## Kesan pergerakan pelancong domestik dan antarabangsa

Perincian kesan pergerakan kalangan pelancong domestik dan antarabangsa di analisis berdasarkan tumpuan negeri untuk melancong, lokasi tarikan pelancongan, aktiviti dan program pelancongan acara.

### *Tumpuan destinasi melancong mengikut negeri*

Hasil kajian mendapati pelancong domestik lebih tertumpu untuk bercuti ke negeri Terengganu dengan 217 orang (26.3%) kerana berdasarkan aktiviti pelancong, negeri Terengganu memiliki pantai yang menarik berbanding Kelantan, 211 orang dan Pahang seramai 160 (19.4%). Namun terdapat sebilangan pelancong domestik yang tidak memberi maklum balas iaitu 59 orang di Kelantan, 47 di Terengganu dan 126 orang (15.3%) di Pahang.

Manakala pelancong antarabangsa tumpuan percutian negeri turut disukai adalah di negeri Terengganu dengan 64 orang pelancong kerana untuk bercuti yang sebahagian dari pakej pelancongan yang mereka. Kemudian dikuti 60 orang di Pahang dan 54 orang (18.2%) di Kelantan. Namun terdapat pelancong yang tidak memberi maklum balas terhadap pemilihan negeri yang dilawati iaitu, 45 orang di Kelantan, 39 orang di Pahang dan 34 orang pelancong di Terengganu (Jadual 9).

**Jadual 9. Tumpuan destinasi percutian mengikut negeri di Wilayah ECER**

Tumpuan Destinasi Percutian	Pelancong Domestik		Pelancong Antarabangsa		
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	
Kelantan	Ya	211	25.6	54	18.2
	Tidak	59	7.1	45	15.2
Terengganu	Ya	217	26.3	64	21.6
	Tidak	47	5.71	34	11.4
Pahang	Ya	160	19.4	60	20.2
	Tidak	126	15.3	39	13.1

Bilangan = 823 Pelancong Domestik (100%) dan Bilangan = 296 Pelancong Antarabangsa (100%)

### *Tumpuan destinasi tarikan pelancongan*

Analisa mendapati pelancong domestik lebih tertumpu ke destinasi menarik di negeri Kelantan iaitu Perkampungan Kraf tangan dan Kesenian tertinggi dengan 78 orang pelancong (9.4%). Kemudian dikuti Pasar Siti Khadijah dengan 62 orang pelancong (7.5%). Lokasi yang terendah, gelanggang seni dengan 9 orang pelancong (1.0%).

Manakala Negeri Terengganu, lokasi percutian yang tertinggi adalah ke Tamadun Islam dan Pantai Batu Buruk dengan 58 orang pelancong (7.0%), Pulau Duyung, 47 orang pelancong (9.7%) dan Pasar Payang dengan 35 orang pelancong (4.2%). Bagi Negeri Pahang lokasi percutian cherating adalah tertinggi dengan 71 orang pelancong (8.6%), kemudian diikuti dengan Gambang Waterpark, 50 orang pelancong (6%), River Cruise Kuantan, 45 orang pelancong (4.5%) dan Muzium Seni Kuantan, 11 orang pelancong (1.3%).

Bagi pelancong antarabangsa, lokasi pantai, rekreasi dan aktiviti kebudayaan masyarakat tempatan menjadi tumpuan utama, kawasan persisiran pantai mencatat jumlah tertinggi iaitu, Gambang Waterpark, 31 orang pelancong antarabangsa (3.7%) di Pahang kemudian dikuti dengan pantai Batu Buruk di Terengganu dengan 28 orang pelancong, Pantai Cahaya Bulan di Kelantan, 21 orang pelancong (1.2%), Cherating di Pahang dengan 12 orang pelancong. Manakala aktiviti budaya hidup masyarakat, perkampungan kraftangan di Kelantan, 39 orang pelancong (4.7%), Taman Tamaddun Islam, 19 orang pelancong (2.3%) kemudian diikuti Pulau Duyung dan Bazar Warisan (Jadual 10).

**Jadual 10. Tumpuan lokasi destinasi pelancong di Wilayah ECER**

Lokasi Pelancongan	Pelancong Domestik		Pelancong Antarabangsa	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
<b>Kelantan</b>				
Muzium Negeri Kelantan	39	4.7	-	-
Pasar Siti Khadijah	62	7.5	12	4.0
Pantai Cahaya Bulan	51	6.1	12	1.4
Gelanggang Seni	9	1.0	10	1.2
Pusat Perkampungan Kraftangan dan kesenian	78	9.4	39	4.7
Lain-lain tempat	31	3.7	23	2.7
<b>Terengganu</b>				
Pasar Payang	35	4.2	22	2.6
Taman Tamaddun Islam	58	7.0	19	2.3
Muzium Negeri Terengganu	16	1.9	8	0.9
Pantai Batu Buruk	58	7.0	28	3.4
Pulau Duyung	47	9.7	16	1.9
Dataran Shahbandar	7	0.8	8	0.9
Tasik Kenyir	-	-	4	0.4
Lain-lain tempat	42	5.1	18	2.1
<b>Pahang</b>				
Cherating	71	8.6	12	1.4
Muzium seni Kuantan	6	0.7	9	1.0
Teluk Chempedak	42	5.1	5	0.6
Gambang Waterpark	38	4.6	31	3.7
Kuantan river cruise	45	5.4	4	0.4
Tasik Chini	20	2.4	20	2.4
Taman Explande	20	2.4	-	-
Lain-lain tempat	37	4.4	34	4.1
<b>Jumlah</b>	<b>823</b>	<b>100</b>	<b>296</b>	<b>100</b>

Bilangan = 823 Pelancong Domestik (100%) dan Bilangan = 296 Pelancong Antarabangsa (100%)

### *Aktiviti pelancongan*

Berdasarkan dapatan dalam jadual 12, secara keseluruhan mendapati aktiviti pelancongan yang utama di Wilayah ECER ialah bercuti, aktiviti rekreasi dan sukan, makanan, program festival, kesenian dan kebudayaan, membeli belah, urusan kerja, melawat saudara mara, kraftangan dan cendermata.

Secara keseluruhan, aktiviti rekreasi, sukan, bercuti dan makanan traditional di Wilayah ECER merupakan aktiviti pelancongan yang paling mendapat sambutan dikalangan pelancong domestik dengan mencatat jumlah yang sama iaitu 166 orang (20.1%). Negeri

Kelantan, Terengganu dan Pahang menjadi pilihan untuk mereka bercuti terutama bersama keluarga dan rakan-rakan. Aktiviti rekreasi dan sukan serta bercuti di Pahang adalah tertinggi dengan 80 orang pelancong (9.7%). Manakala bercuti, 60 orang pelancong.

Manakala aktiviti program festival, kesenian dan kebudayaan dan makanan adalah tertinggi di negeri Kelantan berbanding dengan Terengganu dan Pahang iaitu, 66 orang (8%) dan makanan tradisional, 49 orang (5.9%). Aktiviti pantai di Terengganu adalah yang paling diminati oleh pelancong domestik dengan 76 orang (9.2%), membeli belah di Pasar Payang di Kuala Terengganu, 51 orang (6.1%). Selain itu, aktiviti yang mendapat sambutan ialah melawat saudara dengan jumlah keseluruhan 28 orang pelancong iaitu, 18 orang di Kelantan, 10 orang (1.2%) di Pahang. Namun begitu terdapat 70 orang pelancong domestik yang tidak memberi maklum balas.

Sehubungan itu, aktiviti bercuti dan pantai merupakan aktiviti yang paling utama oleh pelancong antarabangsa. Secara keseluruhan aktiviti bercuti adalah tertinggi dengan 120 orang pelancong antarabangsa iaitu, 41 orang di Kelantan, 40 orang pelancong di Pahang dan 39 orang pelancong di Terengganu. Kemudian dikuti dengan aktiviti pantai dengan 33 orang pelancong di Terengganu, 29 orang pelancong Pahang dan 18 orang pelancong di Kelantan.

Ini diikuti oleh program kesenian dan kebudayaan dan makanan adalah aktiviti tertinggi dikalangan pelancong antarabangsa berbanding negeri yang lain iaitu 20 orang pelancong antarabangsa (6.7%) dari jumlah keseluruhan 31 orang pelancong antarabangsa. Namun terdapat pelancong antarabangsa yang tidak memberi sebarang maklum balas aktiviti mereka semasa berada di wilayah ECER dengan jumlah keseluruhannya 29 orang pelancong (Jadual 11).

**Jadual 11. Aktiviti percutian pelancongan di Wilayah ECER**

Aktiviti Pelancongan	Pelancong Domestik		Pelancong Antarabangsa	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
<b>Kelantan</b>				
Urusan kerja	8	0.9	-	-
Bercuti	27	3.2	41	13.2
Membeli belah	14	1.7	-	-
Makanan	49	5.9	7	2.3
Program festival kesenian dan kebudayaan	66	8.0	20	6.7
Rekreasi dan Sukan	29	3.5	-	-
Pantai	-	-	18	6.0
Kraftangan dan Cenderamata	32	3.8	-	-
Melawat saudara	18	2.1	-	-
Tiada jawapan	45	5.5	13	4.3
<b>Terengganu</b>				
Urusan kerja	-	-	-	-
Bercuti	33	4.0	39	13.
Membeli belah	51	6.1	-	-
Makanan	30	3.6	5	1.6
Program festival, kesenian dan kebudayaan	10	1.2	1	0.3
Rekreasi dan Sukan	57	6.9	9	3.0
Pantai	76	9.2	33	11.1
Kraftangan dan cenderamata	4	0.4	-	-
Tiada jawapan	3	0.3	11	3.7
<b>Pahang</b>				
Urusan kerja	31	3.7	-	-
Bercuti	60	7.2	40	13.
Makanan	25	3.0	3	1.0

Program festival, events, kesenian dan kebudayaan	17	0.8	10	3.3
Rekreasi dan Sukan	80	9.7	11	3.7
Pantai	22	2.6	29	9.7
Kraftangan dan cenderamata	1	0.1	-	-
Melawat Saudara	10	1.2	-	-
Tiada Jawapan	40	4.8	5	1.6
<b>Jumlah</b>	<b>823</b>	<b>100</b>	<b>296</b>	<b>100</b>

Bilangan = 823 Pelancong Domestik (100%) dan Bilangan = 296 Pelancong Antarabangsa (100%)

### *Program pelancongan Acara*

Berdasarkan analisis program pelancongan mendapati program kesenian dan warisan menjadi perhatian pelancong domestik iaitu 33 orang pelancong (4%) di Kelantan, 9 atau (1%) di Terengganu dan 11 di Pahang. Penyertaan matta fair, pelancaran my fest dan pameran produk pelancongan merupakan kempen dan sebagai platform bagi penyebaran visi, sasaran dan peluang pengiat industri untuk berkongsi idea serta mendapat maklum balas masyarakat tempatan ( N146), contohnya di Kelantan telah dilancarkan pada 15 Oktober 2015, di Terengganu pada 20 November 2015 dan di Pahang pada 23 Disember, 2014 (N240 dan N510). Lain-lain aktiviti, pakej pelancongan dengan 7 orang pelancong (0.8%) di kelantan, 5 orang di Terengganu. Manakala program keusahawanan, 8 orang pelancong di Terengganu dan pameran produk pelancongan, 15 orang pelancong di Pahang.

Manakala program karnival seni kreatif serta warisan merupakan program yang disertai oleh pelancong antarabangsa iaitu 5 orang pelancong (1.7%) di Kelantan. Program rekreasi dan sukan turut menjadi keutamaan pelancong antarabangsa untuk berada lebih lama di Wilayah ECER dengan 15 orang pelancong di Terengganu sempena program sukan Piala Monsun dan 9 orang pelancong di Pahang dalam program papan luncur.

Program rekreasi dan sukan antarabangsa merupakan program yang menjadi tumpuan utama di Wilayah Ekonomi Pantai Timur dimana Terengganu, 103 orang pelancong dan 163 orang pelancong di Negeri Pahang. Mengikut sumber, kementerian pelancongan dan kebudayaan Malaysia dengan kerjasama kementerian pelancongan negeri masing-masing program rekreasi dan sukan antarabangsa seperti monsoon cup di Terengganu diadakan pada setiap tahun dalam bulan November. Aktivitisan antarabangsa di Negeri Terengganu yang lain seperti Piala Sultan Mizan, Pertandingan Kuda Lasak Antarabangsa dan *Terengganu International Islamic Arts Festival* (N218). Manakala Di negeri Pahang melibatkan sukan antarabangsa seperti program Luncur air dan *Taman Negara International Bird Race* (N205).

Namun terdapat sebahagian besar pelancong antarabangsa yang tidak memberi maklum balas terhadap program yang pernah mereka sertai dengan 92 orang pelancong di Kelantan, 80 orang pelancong di Terengganu dan 90 orang pelancong di Pahang (Jadual 12).

**Jadual 12: Program pelancongan acara**

Program Pelancongan	Pelancong Domestik		Pelancong Antarabangsa	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
<b>Kelantan</b>				
Pakej pelancongan	7	0.8	-	-
Matta fair	20	2.4	-	-
karnival seni kreatif dan warisan	33	4.0	5	1.7
Program kesenian dan kebudayaan	25	3.0	2	0.6
Pelancaran My Fest Kelantan	11	1.3	-	-
Tiada jawapan	174	21.1	92	31.0
<b>Terengganu</b>				
Pakej Pelancongan	5	0.6	-	-
Matta fair	15	1.8	-	-
Program rekreasi & sukan antarabangsa	103	12.5	15	5.0
Program keusahawanan produk pelancongan	8	0.9	-	-
Pelancaran My Fest Terengganu	14	1.7	-	-
Program kesenian dan kebudayaan	9	1.0	3	1.0
Tiada jawapan	110	13.3	80	27.0
<b>Pahang</b>				
Pakej pelancongan	-	-	-	-
Matta fair	7	0.8	-	-
Pelancaran my fest Pahang	13	1.5	-	-
Program rekreasi & sukan	163	19.8	9	3.0
Pameran produk pelancongan	15	1.7	-	-
Prgram kesenian dan Kebudayaan	11	1.3	-	-
Tiada jawapan	80	9.7	90	30.4
<b>Jumlah</b>	<b>823</b>	<b>100</b>	<b>296</b>	<b>100</b>

Bilangan = 823 Pelancong Domestik (100%) dan Bilangan = 296 Pelancong Antarabangsa (100%)

### Kesimpulan

Kajian ini telah menunjukkan wilayah pelancongan ECER adalah destinasi pilihan bagi pelancong domestik dan antarabangsa di mana pergerakan destinasi pelancong adalah bergantung kepada persepsi pelancong, sumber maklumat, bentuk kunjungan dan kemudahan perkhidmatan. Kesan pelancongan wilayah dapat dikesan dalam konteks destinasi percutian negeri, tumpuan destinasi, tarikan pelancong, aktiviti dan program pelancong acara. Pergerakan pelancong secara keseluruhannya menyerlahkan bahawa pemilihan untuk bercuti adalah paling dominan bagi pelancong domestik dan antarabangsa, namun penentu pergerakan antara mereka adalah berbeza. Pelancong domestik lebih selesa bergerak bersama keluarga berbanding pelancong antarabangsa yang lebih memilih bergerak secara kumpulan.

Sehubungan itu, pergerakan pelancong turut memberi kesan terhadap tumpuan destinasi percutian; rata rata pelancong domestik lebih memilih negeri Terengganu kerana tarikan daya pantai, aktiviti rekresi dan sukan serta membeli belah. Ini berbeza dengan pelancong antarabangsa yang lebih memilih negeri Terengganu kerana untuk bercuti dan pantai kerana mereka lebih selesa dengan suasana yang santai dan menghiburkan.

Hasil kajian ini sekurang-kurangnya telah memberi situasi pergerakan pelancong dan kesan terhadap destinasi pelancongan wilayah di peringkat nasional dan antarabangsa.

Beberapa aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh pihak berkepentingan dapat mengukuhkan wilayah ECER sebagai destinasi utama pelancongan wilayah negara.

Justeru itu, destinasi pelancongan wilayah harus diperkuuhkan kerana ia amat penting untuk memertabatkan pelancongan wilayah dalam pelbagai fungsi sama ada di peringkat nasional mahupun dan antarabangsa. Keistimewaan produk pelancongan yang sama dimiliki oleh setiap negeri di wilayah ECER adalah satu kelebihan wilayah tersebut untuk membentuk satu imej destinasi pelancongan wilayah yang tersendiri malah mampu menarik pengaliran dan pertambahan pergerakan pelancong dari semasa ke semasa.

## Rujukan

- Arbuthnott A, Eriksson J, Wincent J (2010) An integrative approach towards dialectics and social movement theory in a model of regional industry emergence processes. *Candinavian Journal Of Management* 26: 290-3008
- Goodwin J, Asper J (2009) The sosial movement reader: Cases and concept (2<sup>nd</sup>.et). Oxford UK: Wiley & Sons.
- Gamson WA (1988) Political discourse and collective action. In Klandermans B, Kriesi H, Torrow S (Eds). *International Social Movement Research*. From Structure to action 1:219-244.
- Gitlin T (2013) Occupy's predicament: The moment and the prospects for the movement. *The British Journal of Sociology and Scientist* 64 (1):3-25.
- Kousis D (2000) Tourism and the environment: A social movement perspective. *Annals of Tourism Research* 27: 468-489.
- Krejcie RV, Morgan DW (1970) Determining sample size for research activities Education and Psychological Measurement 30: 607-610
- Lim Chong Hin (2007) *Penyelidikan Sosial*, Pendekatan Kualitatif dan Kuantitatif. Universiti Malaya: 91-93.
- Lew A, Mckercher B (2005) Modeling tourist movements: A local destination analysis. *Annals of Tourism Researcher*, 33: 403-423.
- Johan Afendi Ibrahim, Norhanim Abdul Razak, Mohd Zaki Ahmad (2012) Impak pembangunan pelancongan terhadap destinasi pantai: Kajian kes: Pantai Ceneng, Langkawi. *Prosiding Perkem V11*, Jilid 1: 601-610.ISSN 2231-962X.
- McGehee NG, Kline C, Knollenberg W (2014) Social movements and tourism-related local action. *Annals Tourism Research* 48: 140-155.
- McGhee N G (2002) Alternative tourism and social movements. *Annals Tourism Research* 29: 124-143.
- Norizawati Mohd Ayob, Tarmiji Masron, Azizul Ahmad (2014) Taburan sosio demografi pelancong domestik mengikut lokasi di Pulau Langkawi. *International Journal of Environment, Society and Space* 2 (2): 35-49.
- Mckercher B, Lau G (2008) Movement patterns of tourists within a destination: Tourism Management 10: 355-374.
- Mueller CM (1992) Building social movement theory. Frontiers in Social Movement theory.pp 3-25. New Heaven. Yale University Press.
- Muhamad Sulaiman, Varghese Lopes (1992) The Image Of Penang As A Tourist Destination- A Pre and Post Experience Analysis. *Malaysia Management Review* 27 (1) 19-26.
- Rosniza Aznie Che Ros, Abdul Rahim Md. Nor, Rosmiza Mohd Zainol, Novel Lyndon, Mohd Fuad, Mohd Yusuf Hussain, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Zaimah Ramli Mohd Azlan Abdullah, Noraziah Ali(2012) Mengukap imej Pulau Pinang sebagai

destinasi tarikan pelancong. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara* 82(1): 123-129.

Redzuan Othman, Norlida Hanim Mohd Salleh, Emiliana Ramli, Mohd Safar Hashim (2002) Perbandingan corak lawatan dan kesan perbelanjaan pelancong kepada ekonomi Malaysia. *International Journal of West Asian Studies* 3 (1): 29-48.

Yahya Ibrahim (2009) Pelancongan Malaysia: Isu Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persetempatan: *Pembangunan dan Pemerkasaan*, Edisi 1, Terbitan Universiti Utara Malaysia.